



# Hello Kampus

SABAH & SARAWAK

## Unimas terima geran penyelidikan RM70,000

KOTA SAMARAHAN 11 Dis. - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menerima geran penyelidikan berjumlah RM70,000 daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk menjalankan pelbagai kajian berkaitan teknologi hijau.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata, geran tersebut merupakan sebahagian daripada Bantuan Penyelidikan Program Mentor: 1IPTA 1Menteri yang dilaksanakan sejak 2009.

"Bantuan ini merupakan salah satu inisiatif pihak kementerian untuk menggalakkan pelajar membuat penyelidikan serta penemuan baharu dalam pelbagai bidang terutamanya yang berkaitan teknologi hijau.

"Secara tidak langsung, bantuan ini membantu perkembangan inovasi serta idea-idea kreatif dalam kalangan pelajar sekali gus mewujudkan

kan generasi baru yang mempunyai daya kreativiti tinggi," katanya.

Beliau mengumumkan pemberian geran berkenaan ketika menyempurnakan majlis penyerahan secara simbolik Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADSIM) kepada 4,268 penuntut baharu Unimas, di sini semalam.

Turut hadir, Naib Canselor Unimas, Profesor Datuk Dr. Khairuddin Ab. Hamid.

Dalam pada itu, Fah Kui yang merupakan Menteri Mentor kepada Unimas memberitahu, pada tahun lalu, pihaknya menyerahkan geran penyelidikan bernilai RM130,000 kepada universiti tersebut menerusi program Mentor: 1 IPTA 1 Menteri.

"Setakat ini, geran berkenaan telah dimanfaatkan untuk membiayai lima penyelidikan berhubung tenaga, teknologi hijau, air dan pembentungan yang sedang dijalankan oleh 12 penuntut tahun akhir Unimas," katanya.



**PETER** Chin Fah Kui (belakang, tujuh dari kanan) menyerahkan replika Geran Penyelidikan bernilai RM70,000 kepada Khairuddin Ab. Hamid ketika menyempurnakan majlis penyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADSIM) di Kota Samarahan, Sarawak, kelmarin.